

Frasa Adjektif

Frasa adjektif ialah susunan perkataan yang terdiri daripada satu atau perkataan yang mengandungi kata sifat atau adjektif sebagai kata intinya.

Contoh-contohnya:

i) Frasa adjektif sebagai predikat :

Subjek (FN)	Predikat (FA)
Adiknya	Sangat pandai
Markahnya	Tinggi
Orang muda itu	Baik sungguh

ii) frasa adjektif sebagai unsur keterangan dalam predikat :

Subjek	Predikat	
	Frasa nama	penerang
Dia	Berjalan	Sangat cepat
Mereka	Pulang	Segera
Kanak-kanak itu	Tidur	Sungguh nyenyak

iii) frasa adjektif sebagai unsur penerang :

Subjek	Predikat	
	Frasa nama	Penerang
Dia	Budak	Pandai
Harimau	Binatang	Liar
Pak Abu	Orang	Kaya

Seperti yang telah disebutkan, inti frasa adjektif terletak pada kata adjektif. Bahagian inti pula terdiri daripada dua jenis, iaitu mengikut binaannya :

(i) binaan satu perkataan

(ii) binaan dua perkataan

Binaan Satu Perkataan

Binaan ini terdiri daripada satu kata adjektif seperti rajin, tinggi, nakal, baik, pucat, kosong, sederhana, cemas, dan selainnya seperti contoh-contoh di bawah :

1. Pelayan kedai Pak Ali rajin.
2. Kawan-kawan Ahmad cerdik.
3. Adiknya sangat cergas.

Kata adjektif boleh juga terdiri daripada perkataan-perkataan berimbuhan, misalnya : sependai, kemerah-merahan, terbaik, keinggeris-inggerisan, setinggi, seperti yang terdapat dalam ayat-ayat berikut.

1. Aminah tidak sependai adiknya.
2. Dalam darjah ini markah Husinlah yang terbaik.
3. Langit kemerah-merahan pada waktu senja.

Bentuk adjektif yang berimbuhan seperti dalam ayat-ayat di atas termasuk dalam bidang morfologi yang telah dibincangkan dalam Bab 8.

Binaan Dua Perkataan

Binaan jenis ini terdiri daripada dua perkataan, iaitu:

- (i) kata adjektif + kata adjektif
- (ii) kata adjektif + kata nama

Cantuman kata adjektif dengan kata adjektif atau kata adjektif dengan kata nama membentuk konstituen-konstituen baharu dengan makna baharu. Di bawah ini dibincangkan binaan-binaan adjektif yang terdiri daripada :

- (i) Binaan kata adjektif + kata adjektif

Binaan adjektif yang terdiri daripada kata adjektif + kata adjektif terdiri daripada :

(a) Dua kata adjektif yang menekankan unsur keserasian makna, contohnya :

-Riang gembira

-Letih lesu

-Cantik molek

(b) Dua kata adjektif yang maknanya berlawanan, contohnya :

-Tinggi rendah

-Pahit manis

-Baik buruk

(c) Deretan dua kata adjektif dengan perkataan yang kedua digunakan oleh sebab unsur rima, yakni keindahan bunyi. Contohnya :

-Tinggi lampai

-Gemok gedempol

-Kaya raya

(ii) Binaan kata adjektif + kata nama

Binaan kata adjektif yang terdiri daripada kata adjektif + kata nama terdiri daripada kata adjektif yang menjadi inti frasa dengan kata nama sebagai penerangnya. Binaan kata adjektif jenis ini boleh terdiri daripada :

(a) Frasa adjektif yang membawa maksud kerupaan :

-Merah jambu

-Hijau daun

-Biru laut

(b) Frasa adjektif yang membawa maksud kiasan :

-Panjang tangan

-Besar kepala

-Ringan tulang